

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 MAY 2016

Najib lawat UK perkukuh hubungan ekonomi, tarik pelaburan

011 - 14/5/2016

➔ Malaysia pelabur kedua terbesar pasaran hartanah London

Abdul Jalil Hamid
jalilhamid@nstp.com.my



London

Datuk Seri Najib Razak semalam menaiki penerbangan ke London untuk memulakan lawatan kerja lima harinya, yang dipenuhi siri mesyuarat peringkat tinggi membatinkan hal ehwal perniagaan, pelaburan dan sains.

Perdana Menteri yang dalam perjalanan ke Sochi, Russia untuk menghadiri persidangan Russia-ASEAN pada hujung minggu depan, akan mengadakan pertemuan dengan pengurus dana kanan United Kingdom (UK), peneraju perniagaan dan saintis terkemuka sepanjang di London.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di UK, Datuk Ahmad Rasidi Hazizi, berkata kunjungan Najib untuk memperkukuhkan hubungan ekonomi Malaysia-UK secara dasarnya adalah 'ringkas tetapi penuh bermakna'.

Dalam siri pertemuan yang akan diadakan pada Isnin dan Selasa, Perdana Menteri akan memfokuskan usaha menarik lebih banyak

pelaburan langsung asing (FDI), selain melonjak portfolio pelaburan ke Malaysia.

Ketika ini, Malaysia nampaknya mempunyai rekod pelaburan lebih banyak di UK, berbanding jumlah pelabur UK di Malaysia. Perangkaan menunjukkan untuk seringgit yang dibelanjakan pelabur UK di Malaysia, RM8 dibelanjakan pelabur Malaysia di UK.

Ia dibuktikan dengan fakta bahawa Malaysia adalah pelabur kedua terbesar dalam pasaran hartanah London selepas Amerika Syarikat. Antaranya adalah pelaburan Malaysia dalam projek hartanah mega Battersea di kota London.

Terima kunjungan hormat Setiausaha Agung Komanwel

Dalam rangka lawatannya, Perdana Menteri juga akan menerima kunjungan hormat Setiausaha Agung Komanwel yang baharu, Patricia Scotland pada Isnin.

Perdana Menteri turut dijadual menghadiri Sesi Sarapan Bursa Malaysia dengan 25 pengurus dana terkemuka dari firma terkemuka UK untuk membantu mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

Selain itu, Najib akan menyampaikan ucapan pada sesi pembukaan persidangan sehari Malaysia-UK Investor Showcase pada Isnin.

Persidangan itu akan turut dihadiri Pengerusi Majlis Perusahaan dan Pelaburan Komanwel (CWEIC), Lord Marland serta Menteri Perdagangan dan Pelaburan UK, Lord Price.



[FOTO BERNAMA]

Ahmad Rasidi ketika memberi taklimat kepada media sempena lawatan kerja Perdana Menteri ke United Kingdom, semalam.

Info

Rangka lawatan kerja PM

➔ **Lawatan kerja PM** ke UK 15-18 Mei
➔ **Sidang Kemuncak** Peringatan Russia-ASEAN, 19-20 Mei

Selain itu, Perdana Menteri akan menghadiri majlis makan malam di Rumah Mansion, dihoskan oleh Alderman Lord Mountevans, Datuk Bandar Kota London.

Najib juga akan menghadiri majlis bagi menandakan pembinaan akhir Legacy 1 di projek hartanah Embassy Gardens di London.

Pemaju hartanah Malaysia, Eco World International mempunyai 75 peratus pegangan dalam projek Embassy Gardens dan dua lagi tapak pembangunan pinggir air di London dengan nilai pembangu-

nan kasar sekitar dua bilion pound.

Pada Selasa, Perdana Menteri akan mempengerusikan Mesyuarat Tahunan Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) kenam.

Beliau juga akan berucap pada siri syarahan Khazanah sebelum melancarkan pejabat Khazanah Europe Investment Limited (KEIL). Peluasan operasi Khazanah di Eropah adalah sebahagian daripada strateginya untuk lebih berkembang di peringkat global.